

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(١) كِتَابُ الطَّهَارَةِ

(1) *Kitab Bersuci.*¹

(١) بَابُ التَّحْلِي عِنْدَ قَضَاءِ الْحَاجَةِ

(1) *Bab Menyepi Ketika Hendak Membuang Air.*²

¹ Imam Abu Daud memulakan kitabnya ini dengan Kitab Bersuci sesuai dengan jenis kitab hadits yang hendak ditulisnya iaitu Sunan. Sunan adalah kitab hadits yang disusun mengikut tertib bab-bab fiqh. Oleh kerana para fuqaha' memulakan kitab-kitab fiqh tulisan mereka dengan Kitab at-Thahārah, maka Imam Abu Daud juga menyusun kitabnya ini mengikut tertib itu.

Soal kenapa pula para fuqaha' memulakan kitab-kitab mereka dengan Kitab at-Thahārah, maka jawabannya ialah kerana tujuan kejadian manusia itu adalah untuk beribadat atau mengabdikan diri kepada Allah, sebagaimana disebutkan sendiri oleh Allah di dalam al-Qur'an melalui firmanNya ini:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. (adz-Dzāriyāt:56).

Ibadat yang paling utama dan merupakan ibu bagi segala ibadat ialah shalat. Itulah sebabnya mendirikan shalat disebutkan selepas mengucapkan dua kalimah syahadah di dalam hadits yang menceritakan tentang rukun Islam. Lihat haditsnya di bawah ini:

بُئِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَالْحَجُّ وَصَوْمُ رَمَضَانَ.

Bermaksud: "Islam dibangun di atas lima perkara; (1) Bersaksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah utusan Allah. (2) Mendirikan shalat. (3) Mengeluarkan (menunaikan) zakat. (4) Mengerjakan haji dan (5) Berpuasa di bulan Ramadhan."

Oleh kerana ada beberapa syarat sebelum mendirikan shalat, dan antara syarat terpentingnya ialah suci daripada kotoran dan hadats atau bersuci daripada kedua-duanya, maka para fuqaha' dan pengarang-pengarang kitab-kitab Sunan memulakan kitab-kitab mereka dengan Kitab bersuci.

² Para 'ulama' membezakan antara kitab dan bab di dalam kitab-kitab mereka. Perkataan kitab akan digunakan apabila di bawahnya disebutkan pelbagai masalah dari jenis yang sama. Tentu sekali di bawah sesuatu jenis itu ada banyak pula nau'nya. Perkataan bab pula digunakan apabila mereka hendak memasukkan di bawahnya

١ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ بْنِ قَعْنَبٍ الْقَعْنَبِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ يَعْنِي ابْنَ مُحَمَّدٍ عَنْ مُحَمَّدٍ يَعْنِي ابْنَ عَمْرٍو عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا ذَهَبَ الْمَذْهَبُ أَبْعَدَ.

1 – ‘Abdullah bin Maslamah bin Qa’nab al-Qa’nabi³ meriwayatkan kepada kami, katanya: ‘Abdul ‘Aziz ya’ni⁴ bin Muhammad meriwayatkan kepada kami daripada Muhammad, ya’ni bin ‘Amar⁵ daripada Abi Salamah⁶ daripada

pelbagai masalah dari nau’ yang sama. Ini kerana perkataan bab juga ada dipakai dengan erti nau’ dalam bahasa ‘Arab. Fasal pula digunakan apabila beberapa perkara dari nau’ yang sama hendak diasingkan dan dipisahkan, supaya ia terpisah dari apa yang telah tersebut sebelumnya. Kitab paling luas ertinya kerana ia merangkumi jenis (الجنس). Bab lebih khusus daripada kitab kerana ia merangkumi nau’ (نوع) dan fasal pula lebih khusus lagi daripada bab kerana ia merangkumi sebahagian sahaja daripada nau’ iaitu shinf (صنف).

³ Abu ‘Abdir Rahman al-Madani al-Bashri. Al-Qa’nabi adalah nisbah kepada datuknya. Beliau seorang perawi tsiqah lagi ‘abid. Al-‘Ijli, Abu Haatim dan Ibnu Qāni’ mengatakan beliau tsiqah. ‘Abdullah bin Maslamah al-Qa’nabi meninggal dunia pada tahun 221 Hijrah.

⁴ Faedah mengemukakan lafaz ya’ni ialah untuk menghilangkan salah faham dan menyatakan sikap cermat pengarang, kerana kalau Imam Abu Daud (pengarang kitab ini) mangatakan ‘Abdul ‘Aziz bin Muhammad, tanpa menyebutkan “ya’ni” selepas ‘Abdul ‘Aziz, niscaya ada orang menganggap perkataan “bin Muhammad” itu termasuk kata-kata gurunya Muhammad bin Maslamah, padahalnya bukan begitu. Ia bahkan kata-kata pengarang (Imam Abu Daud) sendiri. Menambahkan lafaz ya’ni di sini adalah untuk menjelaskan bahawa ‘Abdullah bin Maslamah tidak berkata, “bin Muhammad”. Tetapi itulah orang yang dimaksudkannya. Itulah erti perkataan “ya’ni” yang terdapat di dalam sanad pada semua tempat di dalam kitab ini.

⁵ Bin ‘Alqamah bin Waqqāsh al-Laitsi, Abu ‘Abdillah al-Madani, salah seorang imam hadits. Sesetengah ‘ulama’ hadits mempertikaikannya. Ibrahim al-Jauzajāni berkata, “Tidak kuat”. Ibnu Sa’ad berkata, “Seorang yang banyak haditsnya, tetapi dianggap dha’if”. Imam Bukhari meriwayatkan haditsnya berserta perawi lain (مقرؤنا بغيره). Muslim pula mengambil haditsnya sebagai mutāba’āt. Perkataan “ya’ni” di sini sama seperti sebelumnya.

⁶ Bin ‘Abdir Rahman bin ‘Auf al-Qurasyi az-Zuhri. Salah seorang daripada tujuh orang fuqaha’ yang terkenal di Madinah. Para ‘ulama’ berbeda pendapat tentang nama sebenarnya. ‘Amar bin ‘Ali berkata, tiada nama lain baginya selain kuniahnya. Ada yang berkata, namanya ‘Abdullah dan ada juga yang berkata namanya Isma’il. Bagaimanapun beliau lebih masyhur dengan nama kuniahnya. Seorang perawi tsiqah dan banyak meriwayatkan hadits. Beliau telah meriwayatkan hadits daripada ayahnya sendiri ‘Abdur Rahman bin ‘Auf, Usāmah bin Zaid, Abu Ayyub dan ramai lagi orang-

al-Mughirah bin Syu`bah,⁷ (beliau berkata): Bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w. apabila hendak membuang air, akan pergi jauh (dari pandangan orang ramai).⁸